

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM INSTITUT AKHBAR MALAYSIA
DI HILTON, PETALING JAYA
17 MAC 2000

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Institut Akhbar Malaysia yang sudi menjemput saya ke majlis makan malam ini.

2. Walaupun saudara-saudari tidak asing kepada saya kerana kita sering bertemu secara profesional, namun, malam ini agak istimewa bagi saya kerana terdapat wartawan dari pelbagai jurusan kewartawanan dan seterusnya, saya diberi kesempatan untuk menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang hadiah kewartawanan Malaysia.

3. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Institut Akhbar Malaysia atas inisiatif menganjurkan majlis ini. Saya juga menghargai peranan Petronas yang menjadi penganjur utama majlis ini. Saya berharap sektor korporat akan mencontohi Petronas dalam usaha-usaha meninggikan tahap profesionalisme dalam bidang-bidang kritikal seperti kewartawanan.

Saudara saudari,

4. Bidang kewartawanan mula berkembang di Tanah Melayu pada abad ke 19, dan antara akhbar tertua di Malaysia kini ialah kumpulan The New Straits Times. Namun, wartawan mula memainkan peranan yang penting untuk menaikkan semangat nasionalisme pada separuh pertama abad ke-20.

5. Peranan yang dimainkan oleh tokoh kewartawanan seperti Za'aba, Pak Sako dan ramai lagi serta akhbar Utusan Melayu dalam usaha menentang kolonialisme sehingga kita mencapai kemerdekaan tercatat dalam sejarah negara.

6. Selepas kemerdekaan, akhbar-akhbar tempatan telah memainkan peranan yang penting sekali dalam usaha untuk membina sebuah negara yang benar-benar merdeka serta maju demi kepentingan rakyat kita yang berbilang kaum.

7. Kita harus bersyukur kerana rakyat Malaysia yang terdiri dari berbilang kaum, agama dan budaya mampu hidup aman dan damai. Keamanan yang kita nikmati telah memberi kita banyak peluang untuk menerokai bidang industri dan perniagaan untuk memajukan negara demi kebaikan rakyat kita.

8. Kejayaan kita sebagai sebuah negara majmuk yang berjaya telah menarik perhatian dunia dan banyak pemimpin luar negara mengunjungi Malaysia untuk belajar bagaimana kita mentadbir serta memajukan negara kita.

9. Formula kita dicontohi oleh negara-negara lain. Selain daripada sifat bertolak ansur rakyat serta kecintaan mereka kepada keamanan, satu unsur penting kejayaan kita ialah peranan akhbar yang bertanggungjawab.

10. Seringkali, akhbar dan orang asing menimbulkan soal kebebasan akhbar di Malaysia. Ada juga dikalangan kita yang mendesak untuk diberi lebih lagi kebebasan

kerana kononnya, kebebasan di Malaysia tidak setimpal dengan status negara yang maju seperti di Barat.

Saudara saudari,

11. Debat mengenai kurangnya atau tidak adanya kebebasan akhbar akan berterusan. Pihak pemerintah, yang dipertanggungjawabkan oleh rakyat untuk memelihara keamanan, mempunyai persepsi tersendiri. Akhbar-akhbar yang dihakimi oleh pembaca setiap edisi mereka akan mempunyai persepsi tersendiri.

12. Tetapi, yang pentingnya, kita harus sedar bahawa baik pemerintah atau pun baik pemilik- pemilik suratkhbar serta wartawan mempunyai tanggungjawab yang sama, untuk memastikan bahawa negara ini tidak kucar-kacir dan tidak huru-hara sehingga rakyat hidup dalam ketakutan dan sengsara. Jika ini berlaku, ianya tidak akan membawa manfaat kepada sesiapa pun, baik pemerintah, baik wartawan, baik rakyat yang mengharapkan kita mengendalikan tugas-tugas kita dengan penuh kebijaksanaan dan bertanggungjawab.

13. Saya berpendapat bahawa walaupun keuntungan akhbar ditentukan oleh pendedaran, namun, pendedaran tinggi melalui berita sensasi yang dapat mencetuskan huru-hara akhirnya akan merugikan semua. Lebih malang lagi apabila kebebasan yang tidak terkawal mencetuskan huru-hara dalam negara itu hingga mendedahnya kepada pengaruh asing yang sentiasa menunggu peluang untuk menanggung di air keruh.

14. Kita menerima bahawa kejayaan negara setakat ini adalah kerana kita dapat memupukkan semangat setiakawan serta persaudaraan antara rakyat berbilang kaum dan agama, maka, kita juga akan menerima bahawa kita tidak boleh melakukan sesuka hati kita untuk mengugut semangat ini.

15. Atas sebab inilah pemerintah mengubal undang-undang untuk menentukan bahawa sesiapa pun, baik ahli politik, orang biasa ataupun media supaya tidak membangkitkan soal-soal sensitif seperti hubungan kaum, dan perbezaan agama.

16. Kita juga tidak ingin sesiapa pun, termasuk media, menimbulkan kebencian terhadap satu golongan, kaum ataupun institusi seperti kehakiman dan Raja- raja Melayu. Selain daripada perkara-perkara yang tercatat dalam perlembagaan kita, akhbar bebas menyiarkan berita yang benar dan objektif.

17. Kita telah lihat bagaimana suratkhbar dan media, dengan laporan yang sensasi serta palsu, telah menimbulkan huru-hara di negara lain dan kita tidak mahu perkara ini berlaku di negara kita.

18. Walaupun sejak peristiwa hitam 13 Mei 1969, negara kita telah melalui perjalanan yang aman, namun, kita harus ingat dan sedar selalu bahawa jika isu sensitif dibangkitkan ianya boleh mencetuskan pergaduhan serta kekecohan.

19. Ramai pengamal media asing sering membangkitkan operasi lalang pada tahun 1987 sebagai satu contoh sikap kuku besi kerajaan Malaysia. Tetapi saya pasti bahawa ramai diantara saudara-saudari masih ingat lagi bahawa kerana beberapa surat khabar memainkan isu sensitif, keadaan di negara kita menjadi tegang ketika itu.

20. Ahli-ahli politik oportunis mengambil kesempatan untuk mengeksploitasi keadaan dan apabila berlakunya insiden tembak-menembak di Chow Kit, kita lihat betapa cemasnya rakyat kita sehingga jalan- jalan di Kuala Lumpur menjadi sunyi sepi kerana rakyat takut untuk keluar. Apakah ertinya kemerdekaan kita jika rakyat kita hidup dalam cemas dan ketakutan akibat keadaan seperti ini?

21. Walaupun kita terpaksa mengambil tindakan ketika itu untuk menutup beberapa buah akhbar, namun lesen akhbar ini telah pun diperbaharui beberapa bulan kemudiannya.

22. Saya bangkitkan isu ini bukan kerana hendak mengungkit perkara lama tetapi untuk menjadi ingatan kepada kita semua, baik pihak media ataupun ahli politik, bahawa keamanan yang kita nikmati ini akan hanya berkekalan sekiranya kita senantiasa sensitif tentang keadaan dan suasana di keliling kita. Satu saat kelalaian boleh menggugat segala-galanya.

Suadara-saudari,

23. Sebagai pengamal media, saudara-saudari mempunyai tanggungjawab yang berat untuk menjadi pembawa mesej rakyat kepada perhatian pemerintah. Pemerintah yang tidak dapat menerima kritikan akan lama-kelamaan terpisah dari realiti dan hati rakyat. Oleh yang demikian, kerajaan tidak pernah mengarah media supaya tidak mengkritik kerajaan. Akhbar perlu sentiasa bertindak sebagai jambatan yang menyambungkan antara pemerintah dan rakyat. Ia perlu memainkan peranan yang sewajarnya mengikut norma-norma akhbar sejagat, iaitu sebagai penasihat.

24. Yang kita pohon adalah akhbar-akhbar mengendalikan tanggungjawab mereka dengan objektif tanpa membuat tuduhan yang melulu dan tidak berasas. Saya yakin bahawa media pun tidak ingin kredibiliti mereka tergugat dengan menyiarkan berita dan rencana fitnah dan pembohongan. Kita tidak mahu teguran dibuat semata-mata kerana hendak menegur. Ia mestilah positif dan bertujuan memperbaiki sesuatu keadaan untuk kepentingan negara dan rakyat, bukan pihak tertentu yang hanya ingin mencapai kepentingan peribadi.

25. Selama ini, pihak kerajaan dan media telah menjalin hubungan yang simbiotik, yakni, kita mempunyai peranan yang berbeza tetapi objektif yang sama, iaitu untuk terus membangunkan sebuah negara yang maju dan aman damai.

26. Tetapi apabila satu pihak berketerlaluan, maka ianya menjadi tanggungjawab pihak yang lagi satu untuk menegur secara sensitif. Keadaan dimana pihak media dan kerajaan sentiasa bertelagah tidak akan membawa manfaat kepada sesiapa pun.

27. Pihak media di Malaysia sepatutnya menggambarkan sebuah `dialog kebangsaan'(national dialog). Dialog ini haruslah dijalankan berlandaskan sikap hormat- menghormati dan toleransi terhadap setiap warga bangsa Malaysia. Sebuah negara yang bercakap kepada bangsanya tidak mampu terjebak dalam perbalahan bertekak di mana kita memaki hamun sesama sendiri. Sebuah negara yang bercakap kepada bangsanya tidak harus menerima tohmahan dan tuduhan tidak berdasar yang dilemparkan semata-mata demi kepentingan politik. Sebuah negara yang bercakap kepada bangsanya tidak mempunyai ruang bagi pemikiran sempit yang ingin menonjolkan seseorang individu malah segelintir bahagian masyarakat yang seterusnya menjejaskan anak bangsa yang lain. Sebuah negara yang bercakap kepada bangsanya mesti mewujudkan dialog ini dengan suara yang rasional,

berprihatin dan inclusive. Ini tidak bermakna bahawa akhbar-akhbar serta pihak media tidak mempunyai ruang untuk menyampaikan pendapat yang berlainan dan mungkin juga bercanggah. Pendapat- pendapat yang berlainan yang disuarakan oleh akhbar- akhbar merupakan sesuatu yang penting dalam proses pembinaan bangsa dan negara. Akhbar-akhbar harus dijadikan suara rakyat sebagai golongan yang memberi amanah kepada kerajaan bagi menghulur khidmat kepadanya. Kepentingan rakyat serta kritikan-kritikan yang bernas ataupun constructive criticism wajar diberikan perhatian yang setimbang. Percanggahan pendapat tidak semestinya menunjukkan pengkhianatan. Sama sekali menyuarakan suatu kritikan tidak semestinya menunjukkan lawan terhadap kerajaan. Sebuah negara yang bercakap kepada bangsanya haruslah mempunyai saluran di mana kebimbangan rakyat jelata dapat diluahkan. Saya lebih suka melihat perbalahan hangat meletus di muka-muka akhbar dari perusuhan membara meletus di muka bumi.

28. Justeru itu, sementara pihak media serta wartawan-wartawan tempatan telah berkhidmat kepada negara dengan bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam usaha-usaha membangunkan bangsa dan negara, kita harus ingat bahawa suara rakyatlah yang semestinya merangkumi bahagian yang besar dalam 'dialog kebangsaan' kita. Kepercayaan bahawa kerajaan ini tidak mempunyai sikap toleransi terhadap suara-suara yang menimbulkan kelainan dalam pendapat merupakan tanggapan yang salah. Jika sesuatu pendapat itu datangnya dari mulut rakyat dan disampaikan dengan cara yang baik dan rasional, sudah tentu kerajaan akan mendengar. Sungguhpun begitu, jika ada pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan daripada sikap toleransi kerajaan ini untuk menyebarkan berita-berita palsu serta fitnah yang boleh menanamkan rasa benci, kerajaan sewajarnya akan mengambil langkah- langkah untuk mendiamkan mereka ini. Kerajaan akan mendiamkan pihak-pihak ini supaya suara mulia rakyat jelata akan kedengaran walaupun ada yang bertempik dengan niat merosakkan matlamat sejagat.

29. Negara-negara barat sering menjulang akhbar-akhbar mereka sebagai fourth estate - tunggak demokrasi kononnya di mana akhbar-akhbar berperanan seolah-olah sebagai sebuah institusi yang boleh mengawal kerajaan. Kita di Malaysia juga percaya bahawa pihak media di Malaysia turut mempunyai peranan yang agak serupa. Akhbar-akhbar bertanggungjawab dalam mengesyorkan bahawa kerajaan benar-benar berkhidmat kepada rakyat yang memilihnya. Walau bagaimanapun, di barat, pihak media lebih mengambil peranan sebagai pembangkang, di mana mereka menyampaikan kritikan semata-mata untuk berbalah dan berbantah. Mereka menganggap diri masing-masing sebagai arm chair critics dan seterusnya sengaja menimbulkan isu-isu sensasi yang sebenarnya dapat diselesaikan dengan cara yang lebih baik, aman dan mengikut semangat bekerjasama dan bermusyawarah.

30. Pengarang serta pemilik akhbar-akhbar harus ingat bahawa mereka bukanlah dipilih oleh rakyat, oleh itu mereka tidak mempunyai tanggungjawab sedemikian. Lain bagi pihak kerajaan. Justeru itu, peranan membantah bukanlah suatu peranan yang bersifat membantu. Saya percaya bahawa pihak media di Malaysia telah memainkan peranan yang baik dalam membantu kerajaan dalam dasar-dasarnya dengan menyebarkan maklumat yang tepat dan membangkitkan pembahasan yang berfaedah kepada negara.

31. Pihak media di Malaysia sudah lama menyedari akan peranan masing-masing dalam proses pembinaan bangsa dan negara. Hasilnya, anda semua kini dibelenggu dengan stigma self-censorship. Saya percaya bahawa self- censorship ini memang wujud di Malaysia tetapi saya berpendapat bahawa self-censorship ini bukanlah

suatu yang lahir atas ketakutan tetapi atas kesedaran bahawa kita semua mempunyai risiko dari segi kepentingan- kepentingan bersifat bangsa dan negara yang mesti diambil kira. Saya berharap bahawa jika pengarang serta akhbar-akhbar ada membuat kesilapan dalam mengambil pertimbangan dari segi beberapa isu, ianya dilakukan oleh kerana mereka sedar akan keadaan- keadaan yang tertentu di negara kita.

32. Saya percaya pengawalan diri merupakan suatu tanda terhadap penghargaan sifat bertolak ansur atau moderation. Di Malaysia, sifat moderation harus diberi keutamaan. Jika kita tidak berwaspada terhadap pendapat- pendapat yang melampau dan sempit, jalinan kemasyarakatan yang telah lama kita pupuk mungkin terhapus. Kepada wartawan-wartawan Malaysia, tahniah diucapkan atas kepercayaan dan usaha-usaha yang ikhlas saudara-saudari. Terima kasih diucapkan kepada pihak media tempatan bagi peranan anda sekalian dalam proses pembinaan bangsa dan negara. Saudara saudari,

33. Saya tidak ingin meringankan peranan saudara. Sebenarnya, peranan wartawan adalah amat penting dan saudara-saudari pun harus turut bangga kerana telah memainkan peranan dalam membangunkan negara ini. Generasi kita inginkan kemajuan dan keamanan yang berterusan. Nasib mereka di hari esok bergantung kepada tindakan kita hari ini.

34. Di sini, sekali lagi saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada semua wartawan yang dipilih menerima hadiah kewartawanan dalam pelbagai kategori. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pemenang hadiah Kajai, wartawan cemerlang dan penerima hadiah kategori lain.

Terima kasih.